



KITA POSTGRADUATE COLLOQUIUM

Second Semester Session 2021/2022

Time: 10.00 a.m. – 4.00 p.m.

Microsoft Teams <http://shorturl.at/cuK89>

CONTENTS

ABSTRACT

KITA POSTGRADUATE COLLOQUIUM

MOHD RUSYDI AZFAR BIN ABDUL KADIR	3
JASMINE PHANG LI SHUN	4
NURAZIMAH BINTI AZIZ	5
TENG KEONG LOON	6
CUT MAYA APRITA SARI	7
GRAHAM H.DALRYMPLE	8
PENGHARGAAN	9

MOHD RUSYDI AZFAR BIN ABDUL KADIR

Perspektif Penjawat Awam Terhadap Peruntukan Berkaitan Unsur Tradisi di dalam Perlembagaan Persekutuan

Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji perspektif penjawat awam terhadap peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan unsur-unsur tradisi yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara dan digubal berdasarkan perundingan dan tolak ansur melibatkan pelbagai kaum pada era kemerdekaan. Ia mengandungi kontrak sosial iaitu pengekalan dan perlindungan terhadap unsur-unsur tradisi penduduk asal sebagai timbal balas terhadap pemberian kewarganegaraan kepada kaum-kaum imigran sewaktu era kemerdekaan. Empat unsur tradisi utama yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan ialah agama Islam, bahasa Melayu, institusi Raja-raja dan hak keistimewaan Bumiputera. Unsur-unsur tradisi berkenaan telah dilaksanakan dalam pelbagai dasar, wawasan serta gagasan Kerajaan. Kajian ini melibatkan analisis tahap pengetahuan, kefahaman, dan penerimaan penjawat awam serta hubungan dan pengaruhnya kepada persepsi mereka terhadap peruntukan berkaitan unsur tradisi di dalam Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif. Kumpulan sampel yang telah dipilih bagi mewakili perspektif penjawat awam ialah pegawai skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD). Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik dan diedarkan secara atas talian kepada responden. Dapatan data yang diperolehi dianalisis menggunakan program Statistical Package for the Social Sciences (SPSS).

Kata kunci dan frasa: Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Kontrak Sosial, Unsur Tradisi, Hubungan Etnik, Integrasi Nasional

JASMINE PHANG LI SHUN

A Theoretical Discourse On The 'Indigenous Knowledge-Science' Debate in The Context of Development Practice in Borneo Malaysia

There is a crisis in contemporary development practice. To be more exact, the application of local or indigenous knowledge in development practice has produced neither the cohesion nor the success anticipated by development practitioners. That indigenous-inclusive ideas and practices incorporated into development processes with the aim of making such processes more context-relevant to local communities have been met with challenges. Indigenous-informed solutions, while effective, are less efficient in terms of their replicability and applicability across multiple communities of varying social backgrounds. This is further compounded by the lack of suitable measures in gauging scientifically the values of indigenous knowledge when incorporated into development solutions. The issue here, then, stems from the perceived difference between indigenous and scientific knowledge, and of the nature of the parameters of the latter by which the former seemingly must conform to in order for its inclusion in the development process. Therefore, there is a lack of analytical understanding on the form of the standards held by scientific knowledge that which distinguishes it, and as is perceived and applied in the evaluation of indigenous knowledge.

This research paper is theoretically oriented. It presents and draws arguments from and on conceptual bases to investigate the issue, hoping to gain insight on how best to move beyond the current conundrum of 'science-indigenous knowledge' debate. It returns to the epistemological basis of knowledge systems, first questioning what constitutes valid knowledge. Second, it looks at how a plurality of knowledge bodies can be sustained, before zooming in onto the Malaysian context to examine within which the possible reconciliation between scientific and indigenous knowledge systems can be made. By attempting to answer these questions, it hopes to offer an alternative perspective on how local knowledges can better inform and be adopted into broader development practices, so as to make such practices fit-for-purpose to achieve inclusive development.

NURAZIMAH BINTI AZIZ

Kajian Pembangunan Nilai Kewarganegaraan Dalam Pendidikan Perubahan Iklim Di Malaysia

Perubahan iklim telah menjadi satu isu persekitaran global yang kian meruncing dan semakin kerap dibincangkan saban tahun. Isu ini merupakan satu isu yang menghubungkan peranan antara nilai kewarganegaraan dan penglibatan setiap lapisan masyarakat. Malaysia merupakan sebuah negara yang tidak terkecuali memiliki masyarakat yang berbilang bangsa, budaya, etnik dan agama. Sehubungan itu, kajian pembangunan nilai kewarganegaraan dilihat sebagai satu konsolidasi kepada kefahaman secara holistik dalam pendidikan perubahan iklim di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dimensi pembangunan kewarganegaraan global dan kecekapan global. Seterusnya kajian ini juga bertujuan menilai kesan 'bangsa idaman' terhadap kecekapan global dalam kalangan pelajar pelbagai etnik di Malaysia. Teknik Delphi digunakan bagi memperoleh persetujuan pakar serta borang soal selidik mengenai kecekapan global pelajar pelbagai etnik yang melibatkan penekanan pada pengetahuan, kesedaran, kognitif dan kemahiran sosial serta sikap ke arah tindak balas masalah global, khususnya pendidikan perubahan iklim. Justeru, pendidikan kewarganegaraan harus menyahut cabaran dari konteks kumpulan pelbagai etnik dalam masyarakat agar kefahaman yang tuntas dan perkembangan kecekapan global mengenai pendidikan perubahan iklim di Malaysia dapat dicapai.

Kata kunci : Pendidikan kewarganegaraan global, perubahan iklim, kajian etnik, bangsa idaman, kecekapan global

TENG KEONG LOON

Pengekalan Dan Penyelarasan Kepercayaan Dan Amalan Tao Tradisi Warisan Cina Peranakan Kelantan Menerusi Penceritaan Lisan

Penceritaan lisan merupakan satu kaedah penyampaian maklumat, mesej atau ilmu berkenaan sesuatu perkara atau peristiwa yang telah berlaku pada masa dahulu secara lisan, yakni pertuturan. Kajian ini ingin mengkaji sejauhmana penceritaan lisan berperanan dalam mempengaruhi kemampuan (pengekalan dan penyelarasan) kepercayaan dan amalan Tao tradisi sebagai sebahagian daripada warisan tidak ketara Cina Peranakan Kelantan kontemporari. Data kualitatif dalam bentuk cerita-cerita lisan berkenaan kepercayaan dan amalan Tao tradisi, dikumpul daripada ahli-ahli komuniti Cina Peranakan Kelantan yang merwarisi cerita-cerita tersebut daripada orang-orang terdahulu melalui kajian lapangan di Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa penceritaan lisan yang diwarisi daripada generasi lama kepada generasi muda merupakan salah satu cara utama penyampaian maklumat mengenai kepercayaan dan adat budaya masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Malah, kaedah penceritaan lisan amat penting bagi masyarakat Cina Peranakan Kelantan kerana pada awalnya mereka tidak mahir membaca dan menulis tulisan Cina. Perkembangan semasa dalam masyarakat menyebabkan tradisi ini kian terabai sehinggakan ramai masyarakat Cina Peranakan di Kelantan terutamanya di kalangan belia yang tidak mengetahui cerita-cerita atau maksud di sebalik kepercayaan dan amalan yang dipraktikkan dalam agama, adat dan budaya Tao tradisi, termasuklah daripada segi penyembahan dewa-dewa penjaga mahupun tentang adat-adat penting dalam kehidupan ahli komuniti iaitu perkahwinan dan kematian. Kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada usaha awal untuk mendokumentasi dan menyelidik penceritaan lisan sebagai jambatan kesinambungan warisan budaya Cina Peranakan Kelantan.

CUT MAYA APRITA SARI

Hubungan Etnik, Konflik dan Perjuangan Orang Aceh

Aceh telah mengalami konflik yang berterusan sejak berabad-abad lalu. Konflik tersebut dapat dibagikan kedalam empat fasa konflik. Fasa pertama iaitu konflik era kesultanan Aceh (1500 – 1873); fasa kedua ialah konflik era kolonialisme (1873 – 1950); fasa ketiga dikenali konflik era pasca kolonialisme (1950 – 2005); dan fasa keempat iaitu konflik era pasca MoU Helsinki (2005 – 2021). Senarai konflik Aceh pada setiap fasa nyatanya memiliki kompleksitas tersendiri. Hubungan antar etnik, penjajahan, dan dominasi etnik lain terhadap etnik Aceh membentuk sub-sub konflik baru yang saling bersambungan. Ianya tidak hanya menimbulkan konflik inter etnik, tetapi juga konflik intra etnik. Atas hal ini, terdapat jurang kajian yang belum pernah membahaskan secara spesifik tentang pemetaan konflik intra dan inter etnik di setiap fasa konflik Aceh. Untuk mengisi kelompongan tersebut maka kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan etnik, konflik dan perjuangan orang Aceh sejak era kesultanan sehingga era pasca MoU Helsinki. Kajian ini pula akan menjawab empat objektif utama iaitu mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong terjadinya empat fasa konflik di Aceh; mengkaji bagaimana etnik identiti dirangka dan digunakan untuk mendorong terhasilnya gerakan sosial pada empat fasa konflik Aceh; menganalisis bagaimana kedudukan hubungan etnik pada setiap fasa konflik; dan menganalisis susurmasa konflik intra dan interetnik bagi memberi tafsiran terhadap perjuangan orang Aceh. Dalam menjawab tujuan keseluruhan penyelidikan, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan proses pengesanan sejarah sebagai alat analisis.

Kata kunci: Konflik Aceh, etnik Aceh & hubungan etnik.

GRAHAM H.DALRYMPLE

An Ethnographic account of the Ahmadiyyah-Badawiyyah tariqa: Tracing Tok Khru Ae's legacy in Southern Thailand

The primary aim of this thesis is to achieve an empirically based, historically grounded, and theoretically sophisticated account of traditionalist Muslims and Sufi orders in the upper south. This study will undertake providing an ethnographic account of the Ahmadiyyah-Badawiyyah order (Ar. Tariqa) in southern Thailand (namely in Songkhla and Phan Nga provinces). My data collection will answer questions about this tariqa, and its emergence in southern Thailand. I will highlight the significance of Tok Khru Ae's connections with Kelantan, before he introduced this order into the very different cultural milieu of southern Thailand. Furthermore, I will explore this order's religious practices, map its geographical spread, and discuss its future under the current leadership. The principal methods proposed to collect my ethnographic data, will be through a range of ethnographic interviews, and participant observation. Through these methods, fresh empirical data of the Ahmadiyyah-Badawiyyah tariqa in southern Thailand (Phang Nga and Songkhla provinces) and achieve the research objectives which have been set. What will this research contributed to knowledge in this field? Whilst a substantial body of literature regarding Muslims in Thailand exists, there is a scarcity of empirical data or studies regarding Muslims of the Thai speaking upper south, and a keen neglect of traditionalist Muslims and Sufi orders in material, which map Islamic movements in Thailand. Therefore, an empirically based, historically grounded, and theoretically sophisticated treatment of traditionalist Muslims and Sufi orders in the upper south has yet to be written. This study will help address the disparity in the literature and make an original contribution to the scholarly corpus of studies regarding traditionalist Muslims of southern Thailand.

ACKNOWLEDGEMENT

REVIEWER:

Dr. Osman Mad Rasip, Dr Tainá Bacellar Zaneti, Prof. Madya Dr. Fazilah Idris, Prof. Madya Dr. Lee Yok Fee, Dr. Muhamad Nadzri Mohamed Noor, & Dr Christopher Martin Joll.

COMMITTEE:

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Prof. Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid, Dr. Ahmad Rizal Mohd Yusof, En. Faris Ngadinin, Pn. Suhana Bahtiar, En. Mohd Norakmar Mohd Nordin, Puan Nur Aimuni Othman & Mohd Shafiq Fhadly Bin Mahmud.

THANK YOU